

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina ICQ di Kem Tapak Megah, Bahagian Kapit dan di Long Singgut, Bahagian Kapit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kementerian belum mempunyai sebarang perancangan bagi membina Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Kem Tapak Megah, Bahagian Kapit dan di Long Singgut, Bahagian Kapit. Penentuan keperluan bagi perancangan dan pembinaan sesebuah Kompleks ICQS adalah bergantung kepada kadar keluar masuk pengembara di kawasan sempadan tersebut serta kesediaan tapak yang amat bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk memberikan tapak yang benar-benar strategik.

Kerajaan Negeri perlu memastikan jalan yang menghubungkan dengan pihak Indonesia merupakan rizab jalan dan telah dibuat pengambilan (sekiranya tanah milik individu). Selain itu, KDN hanya akan mempertimbangkan tapak yang berada betul-betul di sempadan negara di mana Kompleks ICQS akan dibina di atas jalan tersebut.